



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk memohon jawatan seperti yang berikut:

1. Jawatan:

Bil.	Jawatan	Penempatan	Taraf Perkhidmatan
i.	Penolong Jurutera Gred JA29	DBP Cawangan Sabah	Tetap
ii.	Penolong Pegawai Undang- Undang Gred L29	DBP Ibu Pejabat	Tetap
iii.	Penolong Perancang Bahasa Gred S29	DBP Ibu Pejabat	Tetap
iv.	Juruteknik Komputer Gred FT19	DBP Ibu Pejabat	Tetap
v.	Pembantu Pemuliharaan Gred S19	DBP Ibu Pejabat	Tetap
vi.	Pengawal Keselamatan Gred KP11	DBP Ibu Pejabat	Tetap
vii.	Pembantu Operasi Gred N11	DBP Cawangan Sabah dan DBP Ibu Pejabat	Tetap
viii.	Pembantu Pemasaran Kanan	DBP Cawangan Sarawak dan DBP Wilayah Timur	Kontrak
ix.	Pembantu Pemasaran	DBP Ibu Pejabat	Kontrak

Kumpulan Perkhidmatan: **Kumpulan Pelaksana**

2. CARA MEMOHON

- 2.1 Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan DBP (Borang PSM:12/2014 (Pindaan Pent.27/99)). Borang boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang DBP, <http://www.dbp.gov.my>.
- 2.2 Tarikh tutup permohonan pada **30 Jun 2019**.
- 2.3 Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.

(u.p.: Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

3. KETERANGAN AM

Pemohon yang disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temu duga. Pemohon yang tidak menerima jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup permohonan ini dianggap **TIDAK BERJAYA**. Segala keputusan dalam urusan ini **MUKTAMAD**.

1. PENOLONG JURUTERA GRED JA29 (DBP Cawangan Sabah)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,549.00 - RM5,701.00

1.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00); atau
- (b) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,935.02.00)
- (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.2 PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1.1 di atas; atau
- (b) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (c) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

2. PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29 (Ibu Pejabat DBP)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,773.00 - RM5,674.00

2.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29:RM1,773.00); atau
- (b) Diploma Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29:RM1,847.86)
- (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2.2 PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-Undang) dan Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26 adalah layak dipertimbangkan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 2.1 di atas; atau
- (b) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (c) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

3. PENOLONG PERANCANG BAHASA GRED S29 (Ibu Pejabat DBP)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,493.00 - RM5,672.00

3.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29:RM1,493.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29:RM1,493.00); atau
- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29:RM1,770.95)
- (b) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT19 (Ibu Pejabat DBP)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,377.00 - RM4,052.00

4.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19:RM1,377.00); atau

- b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19:RM1,435.12); atau
- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19:RM1,493.24); dan
- d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. PEMBANTU PEMULIHARAAN GRED S19 (Ibu Pejabat DBP)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,352.00 - RM4,003.00

5.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19:RM1,352.00); atau
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19:RM1,408.40); atau
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19:RM1,464.80); dan
- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 (Ibu Pejabat DBP)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,205.00 - RM2,939.00

6.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11:RM1,205.00); atau
- (b) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11:RM1,205.00)

- (c) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar; dan
- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. PEMBANTU OPERASI GRED N11 (Ibu Pejabat DBP dan DBP Cawangan Sabah)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,216.00- RM2,983.00

7.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11:RM1,216.00); atau
- (b) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11:RM1,262.15); atau
- (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. PEMBANTU PEMASARAN KANAN (KONTRAK) (Ibu Pejabat DBP)

8.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Kadar upah sebulan :RM2,170.00)
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Kadar upah sebulan :RM2,220.00)

- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Kadar upah sebulan :RM2,280.00)

- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

9. PEMBANTU PEMASARAN (KONTRAK) (Ibu Pejabat DBP)

9.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Kadar upah pukal sebulan :RM2,090.00)

- (b) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

(Kadar upah pukal sebulan :RM2,140.00)

- (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.